

## PENDEDAHAN MEDIA TERHADAP IKLAN KANSER SERVIKS

SOO SHEY SAN, ABDUL MUATI AHMAD, HAMISAH HASAN &  
ROSYA IZYANIE SHAMSHUDEEN  
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

### **Abstrak**

Ujian calitan (Papanicolaou test) merupakan kaedah berkesan mengurangkan kematian disebabkan kanser serviks. Walau bagaimanapun, kekurangan pendedahan maklumat yang tepat tentang kanser serviks akan menyebabkan wanita tidak terdorong untuk menjalankan ujian calitan secara konsisten. Oleh itu, kajian ini bertujuan mengkaji tahap pendedahan terhadap iklan kanser serviks. Sejumlah 476 set borang soal selidik diedarkan di empat buah klinik kesihatan yang terpilih, iaitu Klinik Kesihatan Botanik, Klinik Kesihatan Seksyen 7 Shah Alam, Klinik Kesihatan Jenjarom dan Klinik Kesihatan Dengkil. Data yang telah dikumpulkan dianalisis dengan perisian komputer SPSS versi 22.0. Keputusan kajian menunjukkan bahawa pendedahan terhadap iklan kanser serviks dalam kalangan wanita yang pernah menjalankan ujian calitan adalah tinggi. Majoriti responden dalam kajian ini sekurang-kurangnya pernah terdedah kepada iklan kanser serviks sama ada dari media cetak, media elektronik atau media baru. Dengan adanya kesedaran terhadap kanser serviks, maka ini dapat merangsang perubahan minda dan sikap terhadap ujian calitan yang kemudiannya dapat mendorong kepada amalan menjalankan ujian calitan secara konsisten.

**Kata kunci:** *Kanser serviks, ujian calitan, pendedahan maklumat, iklan, media massa, media cetak, media elektronik, media baru*

## MEDIA EXPOSURE ON CERVICAL CANCER ADVERTISEMENTS

### **Abstract**

Papanicolaou test is an effective method for reducing the incidence and mortality of cervical cancer, but the lack of disclosure of accurate information about cervical cancer would lead to women feeling demotivated to run smear tests consistently. Therefore, this paper seeks to examine the level of exposure towards cervical cancer advertisement in the mass media. A total of 476 sets of questionnaires were distributed in four selected clinics. Data analysis was performed using SPSS 22.0. This study has shown that the level of cervical cancer advertisement exposure among women who have done a Papanicolaou test is high. This study has found that the majority of the respondents in this study have been exposed to cervical cancer advertisements at least once either from the print media, electronic media, or new media. The current findings add substantially to our understanding of public's awareness towards cervical cancer, which could stimulate change in the mindset and attitude towards the Papanicolaou test that can lead towards women taking regular Papanicolaou tests.

**Keywords:** *Cervical cancer, Pap Smear test, information exposure, advertisement, mass media, print media, electronic media, new media*

### **PENGENALAN**

Kanser serviks ialah jenis kanser nombor dua yang paling kerap dihadapi dan juga jenis kanser yang berada pada nombor keempat dalam senarai penyakit yang paling kerap menyebabkan kematian dalam kalangan wanita di Malaysia (Rima Marhayu Abdul Rashid et al., 2013). Penyakit kanser serviks mencatatkan jumlah pesakit yang kedua tertinggi selepas kanser payudara dalam kalangan wanita di Malaysia. Hampir lima ratus ribu kes kanser serviks telah dikenal pasti pada tahun 2012 di seluruh dunia (Ferlay et al., 2013). Jumlah kes kanser serviks menyumbang kira-kira 12% kepada keseluruhan bilangan kes kanser dalam kalangan wanita Malaysia (Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Agama Islam Malaysia [Jawatankuasa Fatwa MKI], 2010).

Hal ini bertambah serius apabila jumlah kes kanser serviks yang dikenal pasti di Malaysia bukan sahaja tidak menunjukkan penurunan (Nor Hayati et al., 2006), malahan kes kanser serviks telah menunjukkan peningkatan kepada

454,000 kes pada tahun 2010 (Forouzanfars et al., 2011). Kes kanser serviks di Malaysia semakin meningkat selepas 35 tahun (Zainal Ariffin & Nor Saleha, 2012). Hampir 80% daripada jumlah tersebut atau bersamaan dengan 400,000 kes adalah berlaku di negara sedang membangun dengan lebih daripada 270,000 kes kanser serviks yang mengakibatkan kematian setiap tahun (“HPV and cervical cancer”, 2011).

Terdapat seramai 1,134 juta orang wanita berumur 15 tahun dan ke atas yang terdedah kepada risiko menghadapi kanser serviks (Bruni et al., 2014). Anggaran terdapat 1% wanita dalam populasi umum di Malaysia telah dijangkiti Human Papilloma Virus (HPV) dan jangkitan HPV menyumbang setinggi 88.6% kepada kanser serviks (Bruni et al., 2014). Kini, telah wujud suntikan vaksin HPV yang dapat mencegah jangkitan HPV iaitu punca utama kanser serviks yang juga menyumbang kepada 5% jenis kanser yang lain seperti kanser faraj, kanser zakar atau sesetengah kanser pada bahagian kepala dan leher (Persatuan Obstetrik dan Ginekologi Malaysia [OGSM], 2014).

Namun begitu, pengambilan suntikan vaksin HPV ini bukan bererti untuk menggantikan ujian calitan (Papanicolaou test) kerana mereka tetap perlu menjalani ujian calitan kerana vaksin HPV tidak dapat melindungi mereka daripada jangkitan HPV kronik sepenuhnya. Oleh itu, ujian calitan adalah satu-satunya cara yang dapat mengesan kanser serviks pada peringkat awal manakala suntikan vaksin HPV adalah lebih disyorkan diberi kepada gadis remaja dalam lingkungan umur 10 hingga 25 tahun (American Cancer Society [ACS], 2011).

Walaupun ujian calitan dapat mengesan kanser serviks di peringkat awal, akan tetapi ramai wanita masih tidak menjalani ujian calitan di Malaysia. Prosedur ujian calitan ditawarkan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia sejak tahun 1969 (Pusat Informatik Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia [KKM], 2011). Namun demikian, kadar wanita yang menjalani ujian calitan adalah masih rendah. Pada tahun 1992, liputan ujian calitan hanyalah 2%, diikuti dengan peningkatan yang sangat sedikit kepada 3.5% pada tahun 1995 dan 6.2% pada tahun 1996 dan seterusnya kepada hanya 26% selepas lebih satu dekad kemudian pada tahun 2004 (Nor Hayati et al., 2006). Walaupun ujian calitan ditawarkan secara percuma di klinik kesihatan di Malaysia, kadar liputan ujian calitan secara keseluruhan hanya mencapai 47% sahaja iaitu masih berada pada tahap yang rendah (Nor Hayati Othman & Matejka Rebolj, 2009).

Tambahan pula, kanser serviks menjadi ancaman utama kepada wanita yang bukan sahaja mungkin menyebabkan kehilangan peluang untuk mengandung, bahkan mungkin meragut nyawa. Seramai 143,000 orang wanita yang meninggal dunia akibat kanser serviks di seluruh dunia (“HPV and cervical cancer”, 2011) dan rekod oleh Jawatankuasa Fatwa MKI (2010) menunjukkan kemungkinan seorang wanita yang meninggal dunia bagi setiap minit di seluruh dunia dan satu kematian bagi setiap empat minit di Asia akibat kanser serviks. Terdapat kira-kira 2,145 orang wanita yang menghadapi kanser serviks dan 621 orang wanita yang meninggal dunia akibat kanser serviks di Malaysia pada setiap tahun (Bruni

et al., 2014).

Secara ringkasnya, walaupun pengesanan kanser serviks pada peringkat awal dapat memanjangkan jangka hayat penghidap dengan adanya lebih banyak alternatif rawatan yang berkesan, akan tetapi statistik menunjukkan bahawa jumlah wanita yang menjalani ujian calitan secara konsisten adalah masih rendah. Maka, adalah wajar untuk satu kajian terhadap kanser serviks dijalankan kerana kes kanser serviks yang tinggi ini sebenarnya dapat dicegah menerusi kesedaran tentang vaksin HPV dan ujian calitan.

## **MEDIA MASSA**

Kajian ini menyelidiki tingkah laku mendapatkan maklumat pasif dengan mengenal pasti tahap pendedahan terhadap iklan kanser serviks. Tingkah laku mendapatkan maklumat pasif juga dikenali sebagai imbasan maklumat iaitu pesakit terdedah kepada maklumat daripada orang lain atau sumber media ketika bukan dalam proses mendapatkan maklumat (Nagler et al., 2010). Sebagai contoh, maklumat diperoleh semasa menonton televisyen, membaca surat khabar atau mendengar radio.

Komunikasi massa dan media massa ialah dua istilah yang mempunyai makna yang berlainan. Komunikasi massa merujuk kepada proses penyebaran maklumat menerusi media massa manakala media masa merujuk kepada saluran yang digunakan untuk penyebaran maklumat (Potter, 2013). Kajian ini tertumpu pada media massa sahaja. Ali Salman et al. (2011) membahagikan media kepada dua jenis, iaitu media tradisional dan media baru. Media tradisional terdiri daripada surat khabar, televisyen dan radio manakala media baru ialah Internet.

Oleh yang demikian, kajian ini membahagikan media massa kepada tiga jenis, iaitu media cetak, media elektronik dan media baru. Media cetak merangkumi surat khabar, majalah dan risalah berkaitan dengan kanser serviks. Media elektronik pula terdiri daripada televisyen dan radio manakala, media baru merujuk kepada Internet.

## **KESEDARAN MASYARAKAT TERHADAP KANSER SERVIKS**

Kanser serviks masih menjadi ancaman kanser yang utama dalam kalangan wanita di Malaysia (Azlan Aziz et al., 2013). Walau bagaimanapun, wanita di Malaysia mempunyai tahap kesedaran dan dorongan yang rendah terhadap ujian calitan (Nor Hayati, 2003). Wong et al. (2008) telah mengadakan temu bual dengan 20 orang wanita Malaysia dalam lingkungan umur 21 hingga 56 tahun yang tidak pernah menjalani ujian calitan. Kajian mereka menunjukkan bahawa tiada responden yang mengetahui bahawa ujian calitan bertujuan mengesan kanser serviks di peringkat awal. Di samping itu, satu pertiga daripada jumlah responden yang ditemu bual didapati memberi keutamaan kepada keperluan ahli keluarga terutamanya anak dibandingkan dengan dengan kesihatan diri.

Dapatan ini selaras dengan kajian oleh Siti Waringin Oon et al. (2011) yang menunjukkan majoriti responden masih mempunyai pengetahuan yang terhad tentang ujian calitan. Kebanyakan daripada responden menyatakan mereka tidak tahu kepentingan ujian calitan dan oleh itu mereka tidak menjalani ujian tersebut. Mereka juga tidak menyedari bahawa mereka terdedah kepada risiko menghidapi kanser serviks. Golongan wanita berpendapat ujian calitan hanya perlu dijalankan sekiranya terdapatnya simptom bahawa mereka menghidapi kanser serviks (Wong et al., 2009).

Golongan yang berpendidikan juga tidak terkecuali daripada mempunyai tahap kesedaran yang rendah terhadap ujian calitan. Kumpulan elit seperti guru sekolah menengah di Malaysia juga tidak semestinya bermakna bahawa mereka mempunyai pengetahuan yang mencukupi tentang kesihatan wanita. Kajian oleh Fauziah Abdullah et al. (2011) mendapati faktor penghalang kepada ujian calitan dalam kalangan guru sekolah menengah terutamanya bagi mereka yang tidak pernah menjalani ujian calitan adalah hampir sama dengan wanita lain secara umum ataupun wanita yang mempunyai tahap pendidikan rendah.

Guru memainkan peranan yang sangat penting yang menjadi penghubung antara dunia kesihatan dengan alam pendidikan terutamanya dari aspek kesihatan reproduktif yang penting bagi kanak-kanak sekolah dalam lingkungan usia remaja dan juga bagi ibu bapa mereka. Walau bagaimanapun, tahap pengetahuan mereka ini terhadap kesihatan masih diragui. Kekurangan maklumat yang sahih daripada sumber pakar-pakar dalam bidang penjagaan kesihatan didapati menjadi faktor yang menyebabkan kurangnya jumlah wanita yang menjalani ujian calitan dalam kalangan guru-guru sekolah menengah di Malaysia (Fauziah Abdullah et al., 2011).

Ujian calitan telah dikenal pasti dapat mengurangkan kematian akibat kanser serviks tetapi masih ramai wanita yang tidak menjalankan ujian calitan secara konsisten (Nelson et al., 2009). Wanita yang terdedah kepada maklumat tentang kanser serviks menerusi televisyen bukan sahaja tidak menyedari bahayanya penyakit ini dan risiko berkaitan dengan kanser serviks, malah mereka mempunyai tahap kesedaran yang rendah terhadap kanser serviks kerana dibekalkan dengan maklumat yang bercanggah, tidak lengkap serta ditulis dalam bahasa yang terlalu teknikal oleh agensi-agensi tertentu seperti pusat kesihatan, farmasi ataupun maklumat yang disampaikan menerusi media massa (Varma, 2009). Malahan, wanita mungkin turut keliru dengan maklumat yang diperolehi daripada pakar perubatan (Zapka et al., 2004). Oleh itu, ramai wanita tidak mempunyai kefahaman yang jelas tentang kepentingan pengesanan awal kanser serviks (Wong et al., 2009).

Kekeliruan maklumat berkenaan dengan kanser serviks menjadi semakin serius dalam era yang berteknologi tinggi ini kerana orang awam bebas mendapatkan pelbagai maklumat menerusi Internet yang tidak dapat dipastikan kesahihannya. Pelbagai maklumat yang diperolehi daripada sumber yang berlainan menimbulkan kesangsian terhadap teknik-teknik pencegahan kanser

yang betul (Arora et al., 2008). Selain itu, dapatan daripada kajian Czaja dan Clara (2003) menunjukkan bahawa kebanyakan pesakit mempunyai keinginan untuk mendapatkan maklumat tambahan tentang penyakit yang dihadapi, namun mereka berasa sukar untuk mendapatkan maklumat yang diinginkan.

Kempen komunikasi kesihatan biasanya bertujuan membentuk kesedaran orang awam terhadap sesuatu terutamanya bagi mereka yang berada dalam situasi tidak pasti. Kajian Lemal dan Bulck (2010) mendapati bahawa wanita yang mempunyai tahap pendedahan yang rendah terhadap kanser serviks dua kali ganda lebih bimbang bahawa dirinya mungkin menghadapi kanser serviks manakala bagi mereka yang mempunyai tahap pendedahan yang tinggi terhadap kanser serviks pula ialah tiga kali ganda. Hal ini menunjukkan bahawa pendedahan maklumat tentang kanser serviks dapat mempengaruhi tahap kebimbangan mereka terhadap kanser serviks.

Selain itu, masih terdapat individu yang tidak menjalani ujian calitan secara konsisten walaupun mereka mengetahui kewujudan ujian tersebut (Zapka et al., 2004). Dapatan kajian oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (2009) yang bertajuk Nasional Hak Reproduksi, Kesihatan Seksual dan Reproduksi wanita di Malaysia yang menunjukkan bahawa meskipun ramai responden yang mengakui pernah mendengar tentang ujian calitan (71.6%), namun hanya 52.3% orang daripada responden dewasa yang pernah menjalani ujian calitan dan daripada jumlah ini hanya 32.1% yang menjalankan ujian calitan secara konsisten. Tambahan pula, peratusan mereka yang menjalani pemeriksaan masih berada pada tahap yang kurang memuaskan di mana hanya 60.5% responden dalam lingkungan umur 35 tahun hingga 44 tahun dan 40.6% responden dalam lingkungan umur 45 tahun ke atas pernah menjalani pemeriksaan ini.

Wanita yang mempunyai pengetahuan umum mengenai ujian calitan juga tidak menjalani ujian calitan. Hal ini kerana masih terdapat pelbagai faktor lain yang menyebabkan ketidakinginan untuk menjalani ujian calitan. Kajian oleh Redhwan Ahmed Al-Naggar et al. (2010) mendapati perasaan bimbang, malu, takut kesakitan, ketidakelesaan, tiada galakan dari pasangan dan kos menjadi faktor penghalang ujian calitan dalam kalangan wanita yang berumur 18 tahun ke atas di Malaysia. Wanita berasa bimbang dan malu untuk menjalani pemeriksaan pada bahagian alat sulit mereka. Keadaan bertambah buruk lagi sekiranya ada pihak lain yang memberitahu mereka tentang pengalaman negatif semasa menjalani ujian calitan seperti kesakitan ataupun perasaan yang tidak menyenangkan (Wong et al., 2008).

## **KAEDAH KAJIAN**

Kajian tinjauan keratan rentas dengan menggunakan borang soal selidik yang berstruktur ditadbir sendiri digunakan. Subjek kajian dipilih secara sukarela yang terdiri daripada wanita berumur antara 20 hingga 65 tahun yang pernah menjalani ujian calitan. Pemilihan wanita yang pernah menjalani ujian calitan sebagai subjek kajian kerana mereka ialah individu-individu yang membuat keputusan

untuk menjalani ujian calitan. Hal ini demikian kerana mereka ialah golongan yang pernah terdedah kepada maklumat kanser serviks dan berkemungkinan terlibat dalam tingkah laku maklumat kanser serviks.

Klinik kesihatan di negeri Selangor dipilih sebagai pusat untuk menjalankan kajian ini. Pengedaran borang soal selidik dijalankan di klinik kesihatan dipilih secara rawak. Empat buah klinik kesihatan terpilih, iaitu Klinik Kesihatan Botanik, Klinik Kesihatan Seksyen 7 Shah Alam, Klinik Kesihatan Jenjarom dan Klinik Kesihatan Dengkil. Saiz sampel ditentukan dengan menggunakan formula Taro Yamane (1976). Kajian ini juga mendapat kelulusan daripada *Medical Research & Ethics Committee* dan Jawatankuasa etika Universiti Putra Malaysia. Data yang telah dikumpulkan dianalisis dengan perisian komputer SPSS versi 22.0.

Instrument yang dibentuk oleh Lemal dan Bulck (2010) telah diguna pakai dalam kajian mereka tentang liputan berita di televisyen tentang kanser serviks. Namun begitu, selain daripada mengukur liputan berita di televisyen tentang kanser serviks kajian ini turut mengukur liputan berita tentang kanser serviks oleh surat khabar, majalah, risalah, radio dan Internet. Pengukuran item ini dalam bentuk ordinal dengan menggunakan skala Likert seperti 1 = tidak pernah, 2 = jarang, 3 = kadang-kadang, 4 = kerap dan 5 = sangat kerap. Dapatan kemudian akan digabungkan kepada tiga kategori, iaitu tidak pernah, kadang-kadang dan kerap yang sama seperti Lemal dan Bulck (2010).

## **HASIL KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Responden terdiri daripada empat buah klinik kesihatan yang terpilih, iaitu 41.4% responden di Klinik Kesihatan Seri Kembangan, 37.4% responden di Klinik Kesihatan Botanik, 15.1% responden di Klinik Kesihatan Jenjarom dan 6.1% responden di Klinik Kesihatan Dengkil. Hampir separuh wanita dalam kajian ini berada pada peringkat umur 29 hingga 37, diikuti dengan 22.5% responden adalah berada pada peringkat umur 20 hingga 28, 16.8% responden adalah berada pada peringkat umur 38 hingga 46. Selebihnya adalah berumur di antara 47 hingga 55 dan 56 hingga 65.

Di samping itu, didapati responden yang berkahwin setinggi 96.6%. Hal ini kerana pengedaran borang soal selidik dijalankan di Klinik Kesihatan Ibu dan Anak di mana majoriti wanita yang berada di sana ialah wanita yang hamil hadir untuk membuat pemeriksaan atau mereka yang membawa bayi untuk menjalankan pemeriksaan kesihatan. Dari segi bangsa, lebih daripada separuh responden adalah berbangsa Melayu (52.9%) dan 37.2% responden berbangsa Cina, 8.0% responden berbangsa India dan 1.5% responden berbangsa lain-lain.

Selain itu, lebih daripada separuh responden mempunyai tahap pendidikan di peringkat sekolah menengah iaitu sama ada PMR atau SPM (51%) dan 22.0% responden mempunyai tahap pendidikan di peringkat pra universiti iaitu STPM, Sijil atau Diploma. Ini menunjukkan majoriti responden dalam kajian ini terdiri daripada wanita yang menerima pendidikan formal sekurang-kurangnya

sehingga sekolah menengah.

Jadual 1 menunjukkan tahap pendedahan responden terhadap iklan kanser serviks. Setinggi 84.3% responden yang pernah terdedah kepada iklan kanser serviks di Internet. Manakala, televisyen merupakan saluran media yang mempunyai jumlah responden yang terdedah kepada iklan kanser serviks yang tertinggi iaitu setinggi 88%. Seterusnya, jumlah responden yang tidak pernah terdedah kepada iklan kanser serviks di risalah adalah paling tinggi iaitu 23.3%. Namun begitu, boleh dikatakan bahawa terdapat setinggi 77.7% responden yang pernah terdedah kepada iklan kanser serviks di risalah.

Seramai 63.8% responden yang menyatakan bahawa tahap pendedahan kepada iklan kanser serviks di majalah adalah pada tahap kadang-kadang. Ini diikuti dengan 20.2% responden yang menyatakan bahawa mereka kerap nampak iklan kanser serviks di majalah. Terdapat 16% responden yang menyatakan bahawa mereka tidak pernah nampak iklan kanser serviks di majalah. Boleh dikatakan bahawa terdapat 84.1% responden yang pernah terdedah kepada iklan kanser serviks di majalah.

Akhirnya, lebih daripada separuh responden yang menyatakan bahawa tahap pendedahan kepada iklan kanser serviks di radio adalah kadang-kadang (67.9%). Radio merupakan saluran media yang mencatat jumlah responden tertinggi yang pernah terdedah kepada iklan kanser serviks secara kadang-kadang. Terdapat 16% responden yang kerap dengar iklan kanser serviks di radio. Walaupun begitu, masih terdapat 16.1% responden yang langsung tidak pernah iklan kanser serviks di surat khabar.

Kajian oleh Yusof Ghani dan Norliana Ali Haidzira (2014) menunjukkan bahawa individu cenderung menggunakan media massa yang menggunakan bahasa ibunda masing-masing termasuk responden berbangsa Melayu, Cina, India dan lain-lain. Kajian mereka mendapati bahawa orang Melayu cenderung menonton rancangan TV3 dan membaca surat khabar Berita Harian dan orang Cina cenderung menonton rancangan TV8 dan membaca surat khabar Sin Chew Jit Poh.

Selain itu, kajian mereka mendapati bahawa televisyen ialah media massa yang paling penting dalam membekalkan maklumat untuk semua etnik yang kemudiannya diikuti oleh surat khabar dan radio. Namun begitu, bagi orang Melayu yang berpendidikan, mereka lebih menggemari menggunakan bahasa Inggeris sebagai medium pengantaraan berbanding dengan mereka yang kurang berpendidikan dan berada di kawasan luar bandar. Internet turut digunakan oleh semua responden termasuk individu di kawasan luar bandar. *Facebook* dan *YouTube* ialah laman Internet yang paling kerap digunakan oleh semua responden.

**Jadual 1. Taburan kekerapan dan peratus tahap pendedahan terhadap iklan kanser serviks (n = 476)**

<b>Tahap pendedahan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
<b>Internet</b>		
Tidak pernah (1.00)	79	16.7
Kadang-kadang (2.00-3.00)	220	46.6
Kerap (4.00-5.00)	173	37.7
<b>Jumlah</b>	<b>472</b>	<b>100.0</b>
<b>Televisyen</b>		
Tidak pernah (1.00)	53	11.2
Kadang-kadang (2.00-3.00)	265	56.0
Kerap (4.00-5.00)	155	32.8
<b>Jumlah</b>	<b>473</b>	<b>100.0</b>
<b>Risalah</b>		
Tidak pernah (1.00)	109	23.3
Kadang-kadang (2.00-3.00)	252	54.8
Kerap (4.00-5.00)	107	22.9
<b>Jumlah</b>	<b>468</b>	<b>100.0</b>
<b>Majalah</b>		
Tidak pernah (1.00)	75	16.0
Kadang-kadang (2.00-3.00)	299	63.8
Kerap (4.00-5.00)	95	20.2
<b>Jumlah</b>	<b>469</b>	<b>100.0</b>
<b>Surat khabar</b>		
Tidak pernah (1.00)	64	13.6
Kadang-kadang (2.00-3.00)	321	68.3
Kerap (4.00-5.00)	85	18.1
<b>Jumlah</b>	<b>470</b>	<b>100.0</b>
<b>Radio</b>		
Tidak pernah (1.00)	77	16.1
Kadang-kadang (2.00-3.00)	323	67.9
Kerap (4.00-5.00)	76	16.0
<b>Jumlah</b>	<b>476</b>	<b>100.0</b>

Nota : Saiz sampel tidak semestinya 476 orang disebabkan ketidaklengkapan data.

Merujuk kepada jadual 2, sebanyak 93.4% responden yang pernah terdedah kepada iklan kanser serviks menerusi media elektronik sama ada kadang-kadang ataupun kerap. Ini diikuti oleh media cetak iaitu 92.5% responden dan media baru ialah 84.3% responden. Jumlah bagi responden yang kerap terdedah kepada iklan kanser serviks menerusi media baru adalah lebih tinggi berbanding dengan media elektronik dan media cetak.

Namun begitu, responden yang tidak pernah terdedah kepada iklan kanser serviks menerusi media baru turut lebih tinggi berbanding media cetak dan media elektronik. Secara keseluruhan, pendedahan terhadap iklan kanser serviks dalam kalangan wanita yang pernah menjalankan ujian calitan adalah tinggi. Boleh disimpulkan bahawa majoriti responden dalam kajian ini sekurang-kurangnya pernah terdedah kepada iklan kanser serviks. Namun begitu, terdapat juga minoriti responden yang menyatakan mereka langsung tidak pernah terdedah kepada iklan kanser serviks.

Secara ringkasnya, kajian ini menunjukkan pendedahan terhadap iklan kanser serviks dalam kalangan wanita yang pernah menjalankan ujian calitan adalah tinggi. Majoriti responden terdedah kepada iklan kanser serviks menerusi media elektronik, media cetak dan media baru sama ada kadang-kadang ataupun kerap. Ini bercanggah dengan hasil kajian oleh Anisah Baharom dan Maimunah Ismail (2008) yang menunjukkan tahap sensitiviti orang awam terhadap kanser serviks adalah rendah.

Hal ini berkemungkinan disebabkan oleh responden terdiri daripada wanita yang pernah menjalankan ujian calitan, maka, mereka lebih peka kepada maklumat berkaitan dengan kanser serviks. Oleh itu, tahap pendedahan terhadap iklan kanser serviks responden adalah penting untuk diketahui kerana hasil kajian oleh Aishah Ahmad Makinuddin dan Osman Ali (2000) menunjukkan responden mendapat maklumat tentang kanser serviks yang memuaskan daripada radio, televisyen, akhbar dan jururawat terlatih adalah berkaitan dengan tahap pengetahuan yang tinggi.

**Jadual 2. Taburan kekerapan dan peratus tahap pendedahan terhadap iklan kanser serviks menerusi media cetak, media elektronik dan media baru (n = 476)**

<b>Tahap pendedahan</b>	<b>Kekerapan</b>	<b>Peratus (%)</b>
Media baharu (Internet)		
Tidak pernah (1)	79	16.7
Kadang-kadang (2-3)	220	46.6
Kerap (4-5)	173	36.9
<b>Jumlah</b>	<b>472</b>	<b>100.0</b>

Media elektronik (televisyen dan radio)		
Tidak pernah (2)	31	6.6
Kadang-kadang (3-6)	299	63.2
Kerap (7-10)	143	30.2
<b>Jumlah</b>	<b>472</b>	<b>100.0</b>
Media cetak (surat khabar, majalah, risalah)		
Tidak pernah (3)	35	7.5
Kadang-kadang (4-9)	313	67.2
Kerap (10-15)	118	25.3
<b>Jumlah</b>	<b>466</b>	<b>100.0</b>

Nota : Saiz sampel tidak semestinya 476 orang disebabkan ketidaklengkapan data.

## KESIMPULAN DAN CADANGAN

Keputusan kajian menunjukkan bahawa pendedahan terhadap iklan kanser serviks dalam kalangan wanita yang pernah menjalankan ujian calitan adalah tinggi. Majoriti responden dalam kajian ini sekurang-kurangnya pernah terdedah kepada iklan kanser serviks sama ada dari media cetak, media elektronik atau media baru. Hal ini penting untuk dikaji kerana kajian Nik Nairan Abdullah et al. (2013) mendapati kekurangan pendedahan kepada maklumat yang tepat mengenai ujian calitan akan menyebabkan wanita tidak terdorong untuk menjalankan ujian calitan secara konsisten.

Walaupun bagaimanapun, media tradisional masih memainkan peranan yang penting kerana tahap pendedahan iklan kanser serviks menerusi media tradisional juga agak tinggi. Kita tidak dapat mengasingkan diri daripada pengaruh media cetak, media elektronik mahupun media baru. Sehubungan ini, media massa memainkan peranan yang amat penting dalam kehidupan seharian. Oleh itu, media massa haruslah kerap digunakan dalam mempromosi maklumat kanser serviks kepada orang awam.

Mesej tentang kanser serviks yang dibekalkan oleh pihak berkenaan bukan sahaja perlu mudah dicapai oleh orang awam tetapi juga mempunyai kualiti yang baik dari segi dapat memenuhi mereka. Selain itu, kualiti liputan media dari segi tahap kepercayaan dan kesahan maklumat yang disampaikan dapat dipertingkatkan lagi sekiranya wartawan didedahkan kepada isu kanser serviks dan strategi capaian sumber kanser serviks yang sah. Ini adalah penting kerana dengan adanya kesedaran terhadap kanser serviks, maka ini dapat merangsang perubahan minda dan sikap terhadap ujian calitan yang kemudiannya dapat mendorong kepada amalan menjalankan ujian calitan secara konsisten.

Sehubungan ini, kajian ini penting kepada pihak perancang dan pelaksana kempen pencegahan penyakit dan promosi kesihatan. Hasil kajian ini dapat

dijadikan sebagai panduan kepada pihak perancang kempen terutamanya Kementerian Kesihatan Malaysia dalam merangka strategi kempen pencegahan penyakit dan promosi kesihatan yang efektif. Hal ini kerana pendidikan kesihatan memainkan peranan penting dalam meningkatkan kesedaran dan menangani sikap negatif wanita terhadap ujian calitan.

## **BIODATA PENULIS**

**Soo Shey San** adalah pelajar Doktor Falsafah Komunikasi dengan pengkhususan dalam bidang Komunikasi Kemanusiaan di Universiti Putra Malaysia. (*sheysan607@gmail.com*)

**Abdul Muati Ahmad** adalah Profesor Madya dalam bidang komunikasi di Universiti Putra Malaysia. Kini, beliau ialah dekan Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia. (*abmuati@upm.edu.my*)

**Hamisah Hasan** adalah pensyarah kanan dalam bidang komunikasi pemasaran bersepadu di Universiti Putra Malaysia. Kini, beliau ialah ketua jabatan Komunikasi bagi Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia (*hamisah@upm.edu.my*)

**Rosya Izyanie Shamshudeen** adalah pensyarah kanan dalam bidang pengajian media, penyiaran dan budaya popular di Universiti Putra Malaysia. (*rosya@upm.edu.my*)

## **PENGHARGAAN**

Kajian ini telah dibiayai oleh geran daripada Universiti Putra Malaysia (GP-IPS/2014/9430800). Kandungannya adalah tanggungjawab penulis sepenuhnya.

## RUJUKAN

- Aishah Ahmad Makinuddin., & Osman Ali. (2000). Pengetahuan, sikap dan amalan tentang kanser serviks di kalangan bidan, jururawat desa dan jururawat masyarakat. *Akademika*, 56, 107-119.
- Ali Salman., Faridah Ibrahim., Mohd Yusof Hj. Abdullah., Normah Mustaffa., & Maizatul Haizan Mahbob. (2011). The impact of new media on traditional mainstream mass media. *The Innovation Journal: The Public Sector Innovation Journal*, 16(3), 2-11.
- American Cancer Society (ACS). (2011). *Global cancer facts & figures (2nd ed.)*. Atlanta: American Cancer Society.
- Anisah Baharom., & Maimunah Ismail. (2008). Case studies on decision for cervical cancer screening among working women. *The Journal of Human Resource and Adult Learning*, 4(2), 173–184.
- Arora, N. K., Hesse, B. W., Rimer, B. K., Viswanath, K., Clayman, M. L., & Croyle, R. T. (2008). Frustrated and confused: The American public rates its cancer-related information seeking experiences. *Journal of General Internal Medicine*, 23, 223–228.
- Azlan Aziz., Nur Airena Aireen Azman., Adzmel Mahmud., Rosdiana Abd Hamid., & Khairuddin, L. (2013). Socio-Economic Determinants of Pap smear Screening among Married Women in Peninsular Malaysia. *International Journal of Humanities and Social Science*, 3(3), 186–192.
- Bruni, L., Barrionuevo-Rosas, L., Serrano, B., Brotons, M., Cosano, R., Muñoz, J., Bosch, F. X., De Sanjosé, S., & Castellsagué, X. (2014). *Human Papillomavirus and related diseases in Malaysia*. ICO Information Centre on HPV and Cancer (HPV Information Centre).
- Czaja, R., & Clara, M. (2003). The determinants and consequences of information seeking among cancer patients. *Journal of Health Communication*, 8, 529–562. doi:10.1080/10810730390250470
- Fauziah Abdullah., Norlaili Abdul Aziz., & Tin, T. S. (2011). Factors related to poor practice of pap smear screening among secondary school teachers in Malaysia. *Asian Pacific Journal of Cancer Prevention*, 12, 1347–1352.
- Ferlay, J., Soerjomataram, I., Ervik, M., Dikshit, R., Eser, S., Mathers, C., Rebelo, M., Parkin, D. M., Forman, D., & Bray, F. (2013). *Cancer incidence and mortality worldwide: IARC cancer base*. Paper presented at the International Agency for Research on Cancer: GLOBOCAN. Retrieved 24 March, 2014, from [http://globocan.iarc.fr/Pages/fact\\_sheets\\_cancer.aspx](http://globocan.iarc.fr/Pages/fact_sheets_cancer.aspx)
- Forouzanfars, M. H., Foreman, K. J., Delossantos, A. M., Lozano, R., Lopes, A. D., Murray, C. J. L., & Naghavi, M. (2011). Breast and cervical cancer in 187 countries between 1980 and 2010: A systematic analysis. *The Lancet*, 378(9801), 1461 - 1484. doi:10.1016/S0140-6736(11)61351-2

- HPV and cervical cancer. (2011, May 22). *The Star Online*. Retrieved April 3, 2012, from <http://thestar.com.my/health/story.asp?file=/2011/5/22/health/8718649>
- Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (Jawatankuasa Fatwa MKI). (2010). Hukum pengambilan vaksin Human Papilloma Virus (HPV). Paper presented at *Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-92 held on 15 -17 Disember 2010*. Retrieved July 9, 2014 from <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/hukum-pengambilan-vaksin-human-papilloma-virus-hpv>
- Kementerian Kesihatan Malaysia (2009). Kajian Nasional Hak Reproduksi, Kesihatan Seksual dan Reproduksi wanita di Malaysia. Retrieved December 2, 2015 from <http://www.kpwkm.gov.my/documents/10156/48267/Kajian+Nasional>
- Lemal, M., & Bulck, J. V. (2010). Television news coverage about cervical cancer: Impact on female viewers' vulnerability perceptions and fear. *European Journal of Public Health, 21*(3), 381–386. doi:10.1093/eurpub/ckq040
- Nagler, R. H., Romantan, A., Kelly, B. J., Stevens, R. S., Gray, S. W., Hull, S. J., Susana Ramirez, A., Hornik, R. C. (2010). How do cancer patients navigate the public information environment? Understanding patterns and motivations for movement among information sources. *Journal of Cancer Education, 25*(3), 360–70. doi:10.1007/s13187-010-0054-5
- Nelson, W., Moser, R. P., Gaffey, A., & Waldron, W. (2009). Adherence to cervical cancer screening guidelines for U.S. women aged 25–64: Data from the 2005 Health Information National Trends Survey (HINTS). *Journal of Women's Health, 18*(11), 1759–1768. doi:10.1089/jwh.2009.1430
- Nor Hayati Othman. (2003). Cancer of the cervix - From bleak past to bright future; a review, with an emphasis on cancer of the cervix in Malaysia. *Malaysian Journal of Medical Sciences, 9*(2), 13–26.
- Nik Nairan Abdullah., Waqar Al-Kubaisy., & Mazlin Mohamad Mokhtar. (2013). Health behaviour regarding cervical cancer screening among urban women in Malaysia. *Social and Behavioral Sciences, 85*, 110–117. doi:10.1016/j.sbspro.2013.08.343
- Nor Hayati Othman., Halimah Yahaya., & Zulkefi Sanip. (2006). *Determination on effectiveness of cervical cancer screening in Peninsular Malaysia*. Retrieved April 3, 2013 from [http://www.makna.org.my/ar2006/MAKNA\\_CRP\\_USM.html](http://www.makna.org.my/ar2006/MAKNA_CRP_USM.html)
- Nor Hayati Othman., & Matejka Rebolj. (2009). Challenges to cervical cancer screening in a developing country : The case of Malaysia. *Asian Pacific Journal Cancer Prevention, 10*, 747–752.

- Persatuan Obstetrik dan Ginekologi Malaysia (Obstetrical and Gynaecological Society of Malaysia-OGSM). (2014). *One stop information portal for healthcare professionals on Human Papillomavirus (HPV) in Malaysia*. Retrieved July 11, 2014 from <http://www.hpvinfodesk.com.my/>
- Potter, W. J. (2013). Synthesizing a working definition of mass media. *Review of Communication Research*, 7(1), 1-30.
- Pusat Informatik Kesihatan, Kementerian Kesihatan Malaysia. (2011). *Annual report family planning sub-system: Health information and management system* (Publication No. MOH/S/RAN/39.12 (AR)).
- Redhwan Ahmed Al-Naggar., Low, W. Y., & Zaleha Md Isa. (2010). Knowledge and barriers towards cervical cancer screening among young women in Malaysia. *Asian Pacific Journal of Cancer Prevention*, 11, 867–873.
- Rima Marhayu Abdul Rashid., Maznah Dahlui., Majdah Mohamed., & Dorota Gertig. (2013). Adapting the Australian system : Is an organised screening program feasible in Malaysia ? An overview of the cervical cancer screening in both countries. *Asian Pacific Journal of Cancer Prevention*, 14(3), 2141–2146. doi:<http://dx.doi.org/10.7314/APJCP.2013.14.3.2141>
- Siti Waringin Oon., Rashidah Shuib., Siti Hawa Ali., Nik Hazlina Nik Hussain., Juwita Shaaban., & Harmy Mohd Yusoff. (2011). Factors affecting health seeking behaviour among Kelantanese women on pap smear screening. *International Proceedings of Economics Development and Research*, 20, 1–6.
- Varma, T. (2009). One less or clueless: An exploration of factors that predict cervical cancer intervention in young women. Paper presented at the *National Communication Association*.
- Wong, L. P., Wong, Y. L., Low, W. Y., Khoo, E. M., & Shuib, R. (2008). Cervical cancer screening attitudes and beliefs of Malaysian Women who have never had a Pap Smear: A qualitative study. *International Journal of Behavioral Medicine*, 15, 289-292. doi:10.1080/10705500802365490
- Wong, L. P., Wong, Y. L., Low, W. Y., Khoo, E. M., & Shuib, R. (2009). Knowledge and awareness of cervical cancer and screening among Malaysian women who have never had a Pap smear: a qualitative study. *Singapore Medical Journal*, 50(1), 49-53.
- Yusof Ghani., & Norliana Ali Haidzira. (2014). Understanding media exposure among the ethnic Malay in Malaysia for the purpose of communicating road safety messages. *Social and Behavioral Sciences*, 155, 63–68. doi:10.1016/j.sbspro.2014.10.257
- Zainal Ariffin Omar., & Nor Saleha Ibrahim Tamin. (2012). *National Cancer Registry Report: Malaysia cancer statistics data and figure 2008*. Ministry of Health Malaysia.

Zapka, J. G., Puleo, E., Taplin, S. H., Goins, K. V., Ulcickas Yood, M., Mouchawar, J., Somkin, C., & Manos, M. M. (2004). Processes of care in cervical and breast cancer screening and follow-up: The importance of communication. *Preventive Medicine*, 39(1), 81–90.